

Kerja, Kerjaya dan Berjaya. Apa yang anda faham tentang tiga perkataan ini? Pada mulanya saya juga bingung memikirkan tentang tiga perkara ini dalam kehidupan saya. Memang benar setiap orang menginginkan kerja yang baik sekaligus mempunyai kerjaya yang bagus dan berjaya dalam bidang yang diceburi. Walaubagaimanapun, berapa ramai individu yang berjaya dalam bidang yang mereka ceburi? Adakah mereka menceburi bidang itu kerana minat? keinginan? atau sekadar mengisi kekosongan sesuatu jawatan? Jawabannya ada pada diri anda sendiri. Namun, itu bukanlah satu persoalan yang penting kerana apa yang lebih penting adalah bagaimana kita ingin berjaya dalam bidang yang telah kita ceburi hari ini.

Penulisan saya ini hanyalah sekadar satu perkongsian. Saya bekerja dalam sector automobile bukanlah kerana saya minat ataupun ianya merupakan cita-cita saya sejak kecil. Saya bekerja dalam sector ini kerana tuntutan hidup dan tidak mahu bergelar graduan yang menganggur. Ramai yang menyifatkan saya hanya membazir wang pengajian dan kelulusan yang saya perolehi pada hari ini langsung tidak membantu dalam kerja yang saya ceburi. . Namun ilmu bukanlah suatu benda yang membazir malah jika kita dapat mempraktikkannya, ilmu itu akan memberi lebih manfaat bukan hanya pada diri sendiri malah turut dirasakan oleh orang lain.

Bekerja dalam bidang '*spare parts*' satu kerja yang langsung tidak '*glamour*' dan mungkin langsung tidak terlintas dalam fikiran kebanyakan orang untuk menceburi bidang ini. Namun begitu saya menyukai kerja ini dan banyak perkara baru yang saya pelajari. Walaupun saya menyukai kerja ini, adakah itu sudah memadai? Adakah tahap saya hanya sampai disini? Benarkah tiada masa depan yang lebih baik untuk '*budak spare parts*' seperti saya? Jawabannya tidak sama sekali.

Jika anda masih berfikiran sebegini, maknanya anda langsung tidak melihat ke hadapan dan masih jauh ketinggalan dibelakang. Saya amat berterima kasih kepada pihak pengurusan syarikat saya terutama terhadap pegawai atasan saya kerana telah memberikan saya peluang untuk mengikuti program **ACS ASIAPAC Automotive Vehicle PARTS MANAGEMENT PROGRAM**. Setelah mengikuti program ini, saya bukan sahaja menyukai kerja saya malah mencintainya. Disini saya mula memahami betapa pentingnya pengurusan alat ganti dalam sesebuah organisasi permotoran. Ia boleh disifatkan sebagai tulang belakang sesebuah perusahaan. Bukan itu sahaja, banyak input baru yang saya perolehi. Apa yang lebih menarik, kini saya mampu melihat kemana hala tuju saya dan betapa besarnya peluang yang ada untuk saya dalam bidang ini bagi mengorak langkah ke arah kecemerlangan dimasa hadapan.